

# **Kenyataan Masyarakat Orang Asal Malaysia tentang Perjanjian Perundangan Penguatkuasaan Ke pemerintahan dan Perdagangan tentang Perhutanan. (FLEGT) antara Kesatuan Eropah dan Malaysia Mac 2008**

## **I Pengenalan**

Kami, wakil-wakil dari Masyarakat Orang Asal dari Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak ingin menyatakan kebimbangan kami terhadap cara Kerajaan Malaysia menangani proses perundingan dan Perjanjian FLEGT. Kenyataan ini adalah pernyataan pendapat kolektif kami tentang proses ini dan mestilah diambil kira oleh kesemua pihak-pihak yang terbabit yang inginkan sokongan penuh kami terhadap proses perjanjian ini.

Pada tahun 2006 kerajaan Malaysia dan Kesatuan Eropah telah memulakan rundingan untuk mencapai satu perjanjian yang dinamakan FLEGT VPA. Beberapa siri rundingan telah diadakan dan kami sangat kecewa bahawa rundingan ini telah dijalankan tanpa penglibatan yang bermakna oleh pertubuhan bukan kerajaan dan Orang Asal.

Pada 13 September 2007 Deklarasi Hak Orang Asal Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (DHOA PBB) yang telah diluluskan oleh persidangan umum PBB yang mana disokong penuh oleh kerajaan Malaysia. Di dalam artikel 8 (2c) deklarasi ini menyatakan bahawa kerajaan seharusnya memberikan perlindungan terhadap Orang Asal dari sebarang tindakan yang boleh menyebabkan Orang Asal kehilangan hak tanah, kawasan atau sumbernya, oleh yang demikian kami ingin menuntut tanggungjawab kerajaan Malaysia dan Kesatuan Eropah terhadap Orang Asal dalam isu ini.

## **II Permasalahan tentang Hak Tanah Adat Masyarakat Orang Asal**

### **i Takrifan *Pembalakan Sah* yang dicadangkan oleh Kerajaan Malaysia**

Kami mendapati bahawa takrifan “sah” yang dicadangkan oleh Kerajaan Malaysia tidak mengambil kira kepentingan kami. Ia tidak menghalang syarikat-syarikat yang mempunyai lesen pembalakan dari pihak berkuasa negeri dari menebang kayu-kayu dari kawasan adat kami. Kayu-kayu balak yang ditebang di kawasan adat kami ini adalah haram kerana ia tidak menghormati hak tanah adat dan tidak mendapat persetujuan dan kebenaran kami.

Ini merupakan satu perkara yang sangat penting buat kami, kerana ini adalah masalah yang telah sekian lama menggugat hak tanah adat kami dan menyulitkan kehidupan kami. Pihak berkuasa negeri dan syarikat-syarikat balak yang berlesen sering kali mendakwa bahawa pemilikan lesen-lesen pembalakan adalah cukup untuk membuktikan bahawa kegiatan pembalakan di atas tanah adat kami sebagai kegiatan yang sah, tetapi pandangan kami adalah sebaliknya.

Pertikaian ini telah berlanjutan selama beberapa dekad dan penyelesaian yang wajar adalah amat perlu untuk semua pihak mendapatkan kefahaman yang sebenar tentang apa yang dipanggil pembalakan yang sah dan haram. Bagaimana mungkin kayu-kayu yang diambil dari kawasan tanah adat tanpa menghormati dan mendapat persetujuan kami dapat disebut sebagai kayu yang telah diperoleh secara sah?

Perjanjian ini mesti memberikan faedah dan perlindungan ke atas hak-hak kami, maka kami menuntut supaya takrifan tersebut dipinda dengan memasukkan perkataan-perkataan yang jelas seperti:

*“Mana-mana kayu balak yang diperoleh dari wilayah-wilayah Tanah Hak Adat Orang Asal ataupun wilayah-wilayah yang sedang dalam kes di mahkamah antara masyarakat Orang Asal dan pihak-pihak lain adalah tidak sah”*

### **ii Sistem pelesenan pembalakan mestilah diperbaiki ketelusannya**

Salah satu sebab kekeliruan tentang makna sah dan haram di sini adalah kerana sistem pelesenan pembalakan di Malaysia yang tidak telus dan tidak mengambil kira kewujudan hak-hak kami di kawasan-kawasan di mana pihak berkuasa negeri mengeluarkan lesen-lesen tersebut.

Pandangan, kebenaran dan persetujuan kami tidak diambil kira oleh pelesenan ini, malah kami sering kali tidak diberitahu tentang pemberian lesen di kawasan kami sehinggalah wakil-wakil dari syarikat-syarikat pembalakan memulakan kegiatan mereka di kawasan kami. Ini dengan jelas adalah satu pencabulan hak asasi manusia kami.

Kami dengan tegas mempersoalkan pemberian lesen dan konsesi balak ini kerana mengandungi banyak unsur-unsur rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan undang-undang yang memberikan faedah kewangan dan politik kepada pihak-pihak tertentu. Kami mahu perkara ini disiasat dan dihentikan segera.

Untuk Perjanjian ini menjadi sesuatu yang bermakna, ketelusan pelesenan pembalakan mestilah diutamakan. Jika tidak, Perjanjian ini tidak akan merubah apa-apa pun dan sekadar memberikan sokongan pada kegiatan yang telah memberikan banyak masalah kepada Masyarakat Orang Asal khususnya dan kerugian besar kepada negara Malaysia.

### **iii Sistem perundingan pelbagai pihak yang bermakna dan telus**

Kami menegaskan bahawa Kerajaan Malaysia tidak terbuka dan telus dalam membincangkan masalah-masalah seperti hak tanah adat dan sistem pelesenan balak yang meragukan.. Malah pihak JOAS dan JOANGOHutan juga tidak setuju dengan takrifan Pembalakan Sah yang dicadangkan oleh Kerajaan Malaysia. Oleh itu untuk Perjanjian ini mendapat sokongan kami, perkara-perkara ini mestilah diselesaikan dengan cara yang wajar dan baik dan mengambil kira pandangan kami

Seperti yang terkandung dalam Artikel 18& 19 Deklarasi Hak Orang Asal PBB, Orang Asal mempunyai hak untuk terlibat dalam rundingan dan proses membuat keputusan. Jaringan Orang Asal Se-Malaysia (JOAS) dan JOANGOHutan tidak berpuas hati dengan cara Kerajaan Malaysia menguruskan perbincangan-perbincangan tentang perjanjian ini.

### **III Rupa bentuk dan sifat-sifat Hak Tanah Adat**

Seperti yang terkandung dalam Artikel 25 hingga 29 Deklarasi Hak Orang Asal PBB, Orang Asal mempunyai hak untuk memiliki dan mengurus kawasan dan sumber mengikut adat dan tradisi kami. Oleh yang demikian perjanjian FLEGT mestilah mengambil kira dan menghormati Hak Tanah Adat Orang Asal seperti yang diamalkan oleh masyarakat kami dan bukannya dengan kefahaman yang sempit dan tidak berdasarkan fakta.

Berikut adalah ciri-ciri Hak Tanah Adat mengikut kefahaman dan amalan kami:

- Diperoleh dari adat dan undang-undang dan bukannya surat hak milik.
- Tidak memerlukan pengumuman khusus dari Kerajaan atau mahkamah untuk diperoleh.
- Boleh dikuatkuasakan oleh keputusan mahkamah.
- Tidak terhapus oleh penjajahan – Orang Asal bukanlah 'penceroboh' di tanah mereka selepas pembentukan dan penguatkuasaan undang-undang moden.
- Hanya boleh dihapuskan melalui saluran-saluran perundangan tertentu tetapi persetujuan mesti didapatkan dan pampasan yang wajar mestilah dibayar.
- Boleh wujud sebagai hak perseorangan di tanah ladang/kebun atau sebagai pemilikan kongsi di kawasan hutan simpan kampung.
- Terus dimiliki walaupun tidak diwartakan oleh pihak Kerajaan.

Kami ingin menarik perhatian pihak-pihak terbabit bahawa sifat-sifat hak tanah adat di atas telah diiktiraf oleh perlembagaan persekutuan dan mahkamah-mahkamah di Malaysia. Oleh itu sebarang penafian dan penolakan tentang ciri-ciri ini adalah bertentangan dengan keputusan-keputusan mahkamah dan perundangan negara dan negeri serta pelanggaran terhadap undang-undang antarabangsa. Jika Kerajaan Persekutuan dan Negeri gagal untuk menghormati keputusan-keputusan dan pandangan-pandangan mahkamah, mereka telah melakukan suatu kesalahan selain mencabuli hak asasi manusia masyarakat Orang Asal.

Oleh itu, Perjanjian FLEGT hanya akan menjadi bermakna buat kami jika pihak Kerajaan Persekutuan dan Negeri:

- Mengambil kira hak kami ke atas kawasan ladang/kebun dan kawasan hutan komunal.
- Mengambil kira hak kami ke atas sumber-sumber seperti tanaman dan harta benda di tanah adat selain

dari tanah itu sendiri.

- Mengakui yang hak kami wujud sebelum undang-undang moden terbentuk dan akan terus wujud jika tiada penghapusan hak yang khusus dilakukan yang harus dilakukan dengan penuh hati-hati dan tanggungjawab.
- Menyelesaikan dengan adil sebarang kekeliruan perundangan dan sempadan tentang tanah adat kami..
- Mewartakan kawasan tanah hak adat mengikut undang-undang yang sedia ada.
- Menguatkuasakan keputusan-keputusan mahkamah tentang hak-hak adat.
- Mematuhi mana-mana komitmen antarabangsa yang berkaitan dengan Orang Asal..

Perjanjian FLEGT tidak akan bermakna jika pihak Kerajaan Persekutuan dan Negeri terus menerus:

- Menghapuskan hak adat kami melalui pewartaan Hutan Simpan dan Hutan Kawalan, FMU dan pemberian lesen balak di mana tujuan-tujuannya mengetepikan hak-hak dan kebajikan kami.
- Memberikan lesen pembalakan di kawasan yang mana hak kami masih wujud..
- Menarik balik atau membatalkan pewartaan tanah adat yang sudah dilakukan
- Gagal membuat pindaan undang-undang yang meminggirkan Orang Asal dan menjejaskan hak tanah adat kami.
- Menghapuskan hak-hak adat kami tanpa persetujuan kami yang penuh dan tanpa mengikut cara-cara yang telus dan adil kepada kami.

#### **IV Tindakan-tindakan yang patut**

Kami sangat berharap supaya perjanjian FLEGT akan dapat memperbaiki cara perundangan, penguatkuasaan dan ke pemerintahan pengurusan hutan dan pembalakan di negara ini. Walau bagaimanapun perjanjian ini tidak ada nilainya buat kami jika Kerajaan terus tidak menghiraukan Hak Tanah Adat, amalan-amalan tidak telus dalam pemberian pelesenan dan cara-cara biasa mereka membawa pihak-pihak badan bukan Kerajaan dan Orang Asal berunding..

Jika kegiatan pembalakan dilakukan dengan telus, menghormati hak semua pihak, dan untuk kepentingan masyarakat tempatan, mutu kehidupan dan hak kami tidak akan terjejas akibatnya, malah dapat dipertingkatkan lagi. Sangat tidak adil bagi kami untuk menanggung akibat yang buruk dan kesulitan dari kegiatan-kegiatan ini sedangkan pihak-pihak tertentu terus menerus mengaut keuntungan.

Oleh itu kami menggesa semua pihak yang terbabit mengambil tindakan-tindakan yang patut agar segala yang kami nyatakan di sini akan diambil kira oleh Perjanjian ini. Jika kekusaran-kekusaran kami tidak diendahkan, kami tidak dapat menyatakan sokongan kami kepada Perjanjian ini.

#### **V Penutup**

Bagi kami, perjanjian FLEGT akan memberikan peluang untuk kita memperbaiki undang-undang dan pengurusan sumber hutan serta hak tanah adat di dalam Malaysia. Ini hanya dapat dicapai jika dokumen perjanjian ini dapat membuat peruntukan-peruntukan yang sewajarnya, contohnya tidak membenarkan pihak balak yang ditebang dari tanah adat kami dari disebut sebagai kayu yang telah diperolehi secara sah. Malah, jika dokumen-dokumen ini diolah dengan teliti, ia dapat membanteras gejala rasuah dan menjamin pengurusan hutan yang mapan, pemberian lesen balak yang lebih telus, pembayaran cukai balak yang sepenuhnya dan perlindungan hak-hak buruh pembalakan.

Dari segi undang-undang Kesatuan Eropah, balak yang ditebang dari wilayah adat kami adalah balak yang tidak sah jika pihak Kerajaan Persekutuan dan Negeri mahu memeterai perjanjian ini tanpa mahu memperbaiki sistem undang-undang dan ke pemerintahan yang sedia ada serta enggan mengakui hak tanah adat seperti mana yang difahami oleh masyarakat Orang Asal. Perjanjian ini tidak akan memberikan sebarang kebaikan kepada kami dan hanya akan menyokong amalan-amalan biasa yang menekan hak kami dan menyulitkan kehidupan kami. Tanpa memenuhi tuntutan yang dinyatakan sebelum ini, Kami tidak akan menyokong perjanjian ini.